JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN TAWARAN

Sebut Harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di dalam Gred 'G2', Kategori *Civil Engineering* - Pengkhususan CE19 dan CE21 yang masih sah dan berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup Sebut Harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN	:	KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MENYELENGGARA SISTEM PEMBETUNGAN DI KAMPUNG PADANG AIR, KUALA NERUS, TERENGGANU BAGI PROGRAM SANTUNI MADANI
NO. SEBUT HARGA	:	PETRA/JPP/SM-PADANGAIR/SCC/2026-Q38
JENIS TAWARAN	:	PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DI DAERAH KUALA TERENGGANU SAHAJA

PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut:

Gred	:	G2
Kategori	:	CE (Kejuruteraan Awam)
Pengkhususan	:	CE19 (Sistem Pembetungan)
		CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)

Setiap syarikat yang berminat hendaklah mempunyai Sijil Pematuhan Cukai *(Tax Compliance Certificate(TCC))* dengan status PATUH, selaras dengan pekeliling dan ketetapan terkini Kementerian Kewangan Malaysia yang telah dikuatkuasakan. Sijil tersebut hendaklah masih sah pada tarikh mula tawaran Sebut Harga.

Tarikh Mula Tawaran : 12 November 2026 (Khamis)
Tarikh Tutup Tawaran : 4 Disember 2026 (Jumaat)
Tempoh Sah Laku : 90 Hari

Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN.** Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membawa Sijil Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Hanya **penama di dalam PPK, SPKK atau Kementerian Kewangan** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.

Perihal	Tarikh/Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
Taklimat dan lawatan tapak **KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MENYELENGGARA SISTEM PEMBETUNGAN DI KAMPUNG PADANG AIR, KUALA NERUS, TERENGGANU BAGI PROGRAM SANTUNI MADANI**	**19 NOVEMBER 2026 (KHAMIS) (10.00 PAGI)**	**SURAU AL-MUTTAQIN, KAMPUNG PADANG AIR, TERENGGANU**	En. Ruszikry Shukran bin Rusnan Tc. Haji Nordi bin Ab Rahman	2

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli selepas selesai taklimat dan lawatan tapak. **Pembayaran dokumen Sebut Harga secara perbankan atas talian sebanyak RM50.00 hendaklah dibuat dalam bentuk Sistem *I-Payment*.** Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 1** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 4 Disember 2026 (Jumaat).**

PERTANYAAN

Semua pertanyaan tentang urusan Sebut Harga hendaklah dibuat melalui telefon sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Inovasi, Reka Bentuk dan Kompetensi
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
Blok B, Aras 2 Dan 3, Suasana PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

Telefon : 03-8861 9000